

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI WEE JECK SENG  
(TANJONG PIAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.08.2017**

**Y.B. DATO' SRI WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil melalui Bank Negara untuk membantu rakyat berpendapatan rendah untuk mendapatkan pinjaman pembelian rumah sederhana rendah RM35 ribu yang pada ketika ini begitu sukar mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi perbankan kekal memberi pembiayaan kepada peminjam yang layak. Dalam tahun 2016, kadar kelulusan bagi pinjaman perumahan kekal tinggi, lebih

daripada 70 peratus. Bagi memastikan pemohon yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan perumahan daripada institusi perbankan, Bank Negara Malaysia (BNM), menerusi Garis Panduan Pinjaman kepada Sektor Keutamaan, sentiasa menggalakkan institusi perbankan untuk memberi pinjaman kepada golongan berpendapatan rendah atau sederhana bagi pembelian rumah yang berharga RM100,000 ke bawah. Bagi tempoh 2015 sehingga 2016, institusi perbankan telah meluluskan pinjaman sebanyak RM1.55 bilion bagi pembelian 16,656 buah rumah yang bernilai RM100,000 ke bawah.

Di samping itu, dalam usaha membantu rakyat mendapat kemudahan kewangan bagi pembelian rumah kediaman, pihak Kerajaan telah menawarkan skim jaminan kemudahan kewangan oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd (SJKP) sejak 2008. Skim ini melayakkan golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai penyata gaji atau berpendapatan tidak tetap untuk mendapatkan kemudahan pinjaman perumahan bagi pembelian rumah pertama dari institusi perbankan. SJKP juga menyediakan jaminan untuk pinjaman sehingga 100 peratus bagi pembelian rumah kos rendah dan sederhana rendah yang bernilai RM300,000 ke bawah. Setakat awal bulan Julai 2017, sebanyak 5,190 permohonan yang bernilai hampir RM270 juta telah diluluskan kepada pemohon yang terdiri daripada golongan peniaga kecil, petani, nelayan dan lain-lain.

Selain itu, AKPK turut menyediakan khidmat nasihat kepada bakal peminjam mengenai cara untuk meningkatkan keupayaan mereka untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Ini termasuk nasihat daripada segi membangunkan pelan menabung, mengkaji semula aliran tunai mereka serta pengurusan hutang dan kewangan yang lebih berhemat. Manakala, Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab yang dilaksanakan oleh pihak BNM adalah bagi memastikan peminjam mendapat pembiayaan yang sejajar dengan kemampuan mereka membayar balik pinjaman di sepanjang tempoh pembiayaan. Ini akan mengurangkan risiko peminjam terjerumus dalam masalah kewangan akibat dibelenggu bebanan hutang yang berlebihan yang boleh mengakibatkan mereka akhirnya kehilangan rumah disebabkan oleh kegagalan mereka membayar balik pinjaman.

Sekiranya pemohon yang layak mempunyai sebarang masalah berkaitan dengan perkhidmatan perbankan, termasuk mendapatkan akses kepada pembiayaan, mereka boleh menghubungi Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (*The Association of Banks in Malaysia, ABM*) melalui *ABMConnect* di talian 1-300-88-9980. BNM juga menyediakan saluran-saluran untuk orang ramai mengemukakan masalah mereka, seperti berikut :

i) **BNMLINK** (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat), Blok D,  
Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

ii) **BNMTELELINK**

- Telefon : 1-300-88-5465
- Faks : 03-2174 1515
- E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)